

Mahasiswa usah jadi kader, tunggangan: PM

BH - 31/10/2019 m/s: 3

YAB I

300
AT KO

Nilai integriti perlu diterap supaya tindakan diambil berlandas kesopanan, norma masyarakat

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bh.com.my



Dr Mahathir bersama Maszlee dan timbalannya, Teo Nie Ching pada Mesyuarat Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) 2019 di Putrajaya, semalam.
[Foto Luqman Hakim Zubir /BH]

Putrajaya: Mahasiswa hendaklah meletakkan nilai integriti sebaris dengan nilai rasional supaya setiap tindakan yang diambil atas prinsip kebebasan, mengangkat nilai kesopanan, kesusi-laan dan norma kebudayaan masyarakat, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri mahu setiap perkara diputuskan hendaklah jauh daripada desakan emosi, membuta tuli atau hasutan pihak lain agar darjat dan kedudukan mahasiswa tidak dipertikaikan.

"Apabila mahasiswa dilihat sebagai kader atau tunggangan sesuatu kelompok berkepentingan, jati diri serta hormat masyarakat terhadap mahasiswa sebagai pelapis kepimpinan negara pada masa depan akan tercalar," katanya berucap pada Mesyuarat Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) 2019, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik dan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Perdana Menteri berkata, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan kini giat menjalankan usaha bagi memberi ruang ke-

bebasan kepada mahasiswa melalui pelbagai pendekatan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menegaskan ruang kebebasan lebih besar itu harus disertai dengan rasa tanggungjawab yang sewajarnya, di samping disemai dengan nilai yang baik dan diiringi integriti tinggi.

"Kebebasan itu, seperti kemerdekaan, amat bernilai. Jika ia tidak diisi dengan nilai serta adab yang baik, kebebasan itu menjadi kosong dan tidak bermakna ataupun membawa erti yang besar," katanya.

Mengenai MPPK, Dr Mahathir berkata, beliau menerima beberapa cadangan bernas daripada mahasiswa untuk meningkatkan sistem penyampaian kerajaan.

"Saya fikir ada baiknya Kementerian Pendidikan dan kementerian lain juga boleh menggunakan pendapat penuntut ini untuk memperbaiki lagi penyampaian oleh kerajaan," katanya media mempengerusikan mesyuarat itu.

Mesyuarat membincangkan lima kertas pertimbangan iaitu Stigma Terhadap Kesihatan Mental; Kebolehpasaran Graduan Da-

lam Era Revolusi Industri 4.0; Transformasi Tanah Pertanian Dalam Sektor Agromakanan; Melestarikan Persekitaran; dan Penubuhan Suruhanjaya Pendidikan Malaysia; Martabatkan Kualiti Pendidikan Negara.

Mesyuarat MPPK adalah me-

Apabila mahasiswa dilihat sebagai kader atau tunggangan sesuatu kelompok berkepentingan, jati diri serta hormat masyarakat terhadap mahasiswa sebagai pelapis kepimpinan negara pada masa depan akan tercalar.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

dium bagi pemimpin mahasiswa Institut Pendidikan Tinggi (IPT) daripada universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) menyuarakan idea dan pandangan kepada kepimpinan kerajaan.

Sementara itu, Maszlee berkata, Kesatuan Pelajar akan dihidupkan kembali di universiti awam (UA) tahun depan sebagai medan kepada siswa melatih dan meraih pelbagai kemahiran.

Beliau berkata Kesatuan Pelajar akan mengelola perniagaan mereka sendiri di dalam universiti, sekali gus menyediakan peluang pekerjaan sambilan kepada pelajar yang memerlukan.

"Terus-terang saya katakan, saya sedikit kesal apabila dalam banyak sesi dialog saya dan pelajar yang berulang kali diminta ialah bantuan berupa wang," katanya.

"Saya memahami gelutan yang dihadapi dan kita di kerajaan sedang melihat isu ini secara serius. Sebab itulah kita tubuhkan kembali Kesatuan Pelajar," katanya.